

RINGKASAN EKSEKUTIF

TAJUK	:	Kertas Makluman Membawa Peruntukan Pembinaan Kolam Tadahan Berkonsepkan Landskap Dan Rumah Pam Untuk Mengelakkan Banjir Kilat Di Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), Wilayah Utara Menggunakan Peruntukan Khas Kecemasan Oleh MITI Pada Tahun 2020.
TARIKH	:	18 Mac 2021
TEMPAT	:	MPC Wilayah Utara (NRO)
KOS YANG TERLIBAT / PERUNTUKAN	:	Peruntukan yang telah diluluskan 2020: RM 285,000.00 Rujukan BOM Bil : 694/2020 (11/08/2020) - Lampiran 1
BAHAGIAN/WILAYAH/ UNIT	:	MPC Wilayah Utara (NRO)
IMPAK PROJEK	:	Impak Pembinaan Kolam Tadahan Banjir a. Memastikan keselamatan dokumen, peralatan dan kemudahan yang terdapat di MPC NRO. b. Memastikan keselamatan warga MPC NRO dan pelanggan. c. Perkhidmatan MPC tidak terganggu kesan daripada masalah banjir.
BAKI PERUNTUKAN YANG ADA / TANDATANGAN KETUA AKAUNTAN	:	
KOMEN / TANDATANGAN PENGURUS PCT	:	

KERTAS CADANGAN UNTUK PERTIMBANGAN LEMBAGA PENGURUSAN MPC

Kertas Makluman Membawa Peruntukan Pembinaan Kolam Tadahan Berkonsepkan Landskap Dan Rumah Pam Untuk Mengelakkan Banjir Kilat Di Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), Wilayah Utara Menggunakan Peruntukan Khas Kecemasan Oleh MITI Pada Tahun 2020.

1.0 TUJUAN

1.1 Tujuan kertas cadangan ini adalah untuk mendapat kelulusan Lembaga Pengurusan MPC bagi memohon peruntukan Pembinaan Kolam Tadahan Berkonsepkan Landskap Dan Rumah Pam Untuk Mengelakkan Banjir Kilat Di Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), Wilayah Utara, Kepala Batas, Pulau Pinang Menggunakan Peruntukan Khas Kecemasan Oleh MITI pada tahun 2020 dibawa ke tahun 2021.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 MPC Wilayah Utara telah mengalami banjir kilat sebanyak 3 kali pada tahun 2019 dan sehingga Julai 2020. Pembangunan di sekeliling MPC Wilayah Utara telah menyebabkan pejabat MPC Wilayah Utara berada dikedudukan paling rendah berbanding dengan bangunan sekitarnya. Banjir kilat ini telah mengakibatkan MPC terpaksa menanggung kos kerugian penyelenggaraan dan menjejaskan pendapatan daripada sewaan bilik latihan, asrama dan dewan malahan kesan daripada bencana ini telah menjejaskan imej MPC.
- 2.2 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melalui Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah menyarankan MPC membina kolam takungan air bagi mengelakkan berlakunya banjir kilat yang berulang.
- 2.3 Oleh yang demikian pihak MPC NRO telah memohon peruntukan untuk Pembinaan Kolam Tadahan Berkonsepkan Landskap Dan Rumah Pam Untuk Mengelakkan Banjir Kilat. Pihak BOM telah meluluskan permohonan sebanyak RM 285,000.00 pada 11 Ogos 2020 (Rujuk kelulusan BOM Bil.: 694/2020).

3.0 JUSTIFIKASI

Projek Pembinaan Kolam Tadahan Berkonsepkan Landskap dan Rumah Pam untuk mengelakkan banjir kilat tidak dilaksanakan pada tahun lepas dan dilaksanakan pada tahun 2021. Antara justifikasinya adalah ;

- a. Semakan semula Kod Kewangan oleh pihak Perolehan MPC.
- b. Syarikat yang berminat telah menghantar sebut harga dan laporan penilaian ke Jawatankuasa Sebut Harga A pada November 2020 tetapi mesyuarat tersebut ditunda pada 21 Januari 2021.
- c. Surat Setuju Terima kepada pembekal yang dilantik telah dikeluarkan oleh Unit Perolehan pada 1 Februari 2021.

4.0 SYOR/PERAKUAN

Lembaga Pengurusan MPC adalah dipohon untuk mempertimbang dan meluluskan peruntukan Pembinaan Kolam Tadahan Berkonsepkan Landskap dan Rumah Pam Untuk Mengelakkan Banjir Kilat di MPC Wilayah Utara menggunakan Peruntukan Khas Kecemasan Oleh MITI pada tahun 2020 ke tahun 2021.

	Disediakan	Disemak	Disahkan
Tandatangan	<i>Norhayati</i>	<i>Malek</i>	<i>Mazrina</i>
Nama	Norhayati Harun	Abdul Malek Mohamad Aripin	Dr. Mazrina Mohamed Ibramsah
Jawatan	Penolong Jurutera	Pengurus Kanan	Pengarah Wilayah
Tarikh	18 Mac 2021	18 Mac 2021	18 Mac 2021

KERATAN MINIT MESYUARAT LEMBAGA PENGURUSAN MPC

Bil. : 694/2020
Tarikh: 11/08/2020

MOHD KHAIRIL ANUAR BIN AMIR HAMZAH

Memohon Kelulusan Untuk Membina Kolam Takungan Bagi Menangani Banjir Kilat Di Kompleks MPC Wilayah Utara

KOS: **RM 285,000.00**

- | | |
|---|---|
| 1. K/WANG MENGURUS-PERKHIDMATAN & BEKALAN | 28000 Penyelenggaraan & Pembaikan Kecil Yang Dibeli |
|---|---|

Mesyuarat telah menimbangkan kertas cadangan di atas dan mengambil keputusan berikut:

KEPUTUSAN	KOD	CATATAN
DILULUSKAN	9 (694)	Ulasan Dato KP: Perlu dilaksanakan atas faktor keselamatan dan kelangsungan aktiviti-aktiviti MPC tetapi tertakluk kepada peruntukan budget dan proses prosidur yang perlu dipatuhi Ulasan TKP QED: Tertakluk kepada kelulusan rasmi oleh MOF/MITI Ulasan TKP PCD: Setuju untuk kelulusan prinsip.

Disediakan oleh:

(Roseleena Hashim)

Setiausaha

Lembaga Pengurusan MPC

- s.k
1. KETUA AKAUNTAN
 2. Mazrina Mohd Ibramsah

KERATAN MINIT MESYUARAT LEMBAGA PENGURUSAN MPC

Bil. : 701/2020
Tarikh: 06/08/2020

NORAZLINA BINTI TUN IBRAHIM

Permohonan menjalankan kerja-kerja sebut harga dan mendapatkan kelulusan dari pihak berwajib bagi projek-projek kecemasan peruntukan khas mengurus 2020

KOS: RM 0.00

Mesyuarat telah menimbangkan kertas cadangan di atas dan mengambil keputusan berikut:

KEPUTUSAN	KOD	CATATAN
DILULUSKAN	7 (701)	Ulasan Dato KP: Setuju

Disediakan oleh:

(Roseleena Hashim ▼)

Setiausaha

Lembaga Pengurusan MPC

s.k 1. KETUA AKAUNTAN

2.Mohd Yazid Abdul Majid

